



## SIARAN MEDIA

### ISU LIMPAHAN SAMPAH HARAM DI PASAR PAGI SELAYANG BARU

Berikut aduan yang dibuat oleh penduduk Selayang melalui laman sosial ‘Facebook’ *Penduduk Batu Caves/ Selayang/ Gombak* pada 21 Jun 2019, MPS ingin menerangkan punca belakunya isu limpahan sampah haram di Pasar Pagi Selayang Baru yang merupakan tanah rizab kerajaan.

MPS telah mengenalpasti punca utama berlakunya limpahan sampah yang tidak terkawal ini adalah kerana sikap tidak bertanggungjawab para peniaga daripada pasar borong, peniaga di tepi jalan dan di Pasar Basah Selayang Baru.

Untuk makluman, pihak KDEB Waste Management (KDEBWM) telah menyediakan 2 buah tong roro untuk kegunaan di Pasar Selayang Baru sahaja malah aktiviti pembersihan harian dijalankan seperti biasa .

Walau bagaimanapun, sikap peniaga dan masyarakat yang membuang sampah di tepi dan di luar tong sampah berkenaan menjadikan tapak tersebut tercemar dan tidak terkawal.

Sehubungan dengan itu, bagi mengawal semula aktiviti pembersihan dapat dijalankan seperti biasa, MPS telah pun membuat tindakan pembersihan pada 21 Jun 2019. Selain itu juga bagi menghalang lori dari luar untuk membuang sampah selepas tamatnya operasi pasar, MPS akan mengunci palang di kawasan berkenaan.

MPS menyeru agar keprihatinan dan sikap tanggungjawab terhadap kebersihan perlu digalas bersama-sama demi kesejahteraan semua.

-TAMAT-

Dikeluarkan oleh :

**EN. MOHAMAD ZIN BIN MASOAD A.M.S.**

Pengarah  
Jabatan Korporat  
b/p Yang Dipertua  
Majlis Perbandaran Selayang

03-6126 5800/019-280 7788

Tarikh dikeluarkan : 24 Jun 2019